

Date	12 October 2014
Publication	Utusan Borneo (Sarawak)
Headline	Bajet 2015 letak Malaysia pada kedudukan stabil: George Kent
Page	12

## Bajet 2015 letak Malaysia pada kedudukan stabil: George Kent

**KUALA LUMPUR:** George Kent Malaysia Bhd menyambut baik Bajet 2015 yang memperuntukkan RM48.5 bilion bagi projek pembangunan dan infrastruktur yang akan meletakkan Malaysia pada kedudukan stabil untuk berkembang dalam ekonomi global.

Pengarah Eksekutifnya Bernie Ooi berkata ia bukan

sahaja akan membawa kepada hasil yang diinginkan bagi peningkatan ekonomi dan sosial rakyat, tetapi juga memacu usaha pembangunan dan kepelbagaian melalui projek teknologi kritikal dalam sektor penjagaan kesihatan, infrastruktur air dan pengangkutan.

Beliau turut mengalu-alukan pembentukan Pelan

Tindakan Air Kebangsaan bagi memastikan kelangsungan bekalan air di seluruh negara untuk jangka panjang, termasuk pengurusan menyeluruh sungai, pembinaan dan menaik taraf loji rawatan air.

“Sejak awal 2014, kawasan tertentu telah menjadi mangsa berikutan sumber air yang rendah dan perubahan cuaca.

“Usaha kerajaan untuk mempelbagaikan sumber bekalan air melalui penerokaan air bawah tanah dan penggunaan semula air terawat bagi industri dan pertanian, serta meluaskan penggunaan sistem penahan air ribut, akan membantu mengurangkan masalah tersebut,” katanya dalam kenyataan di sini kelmarin. — Bernama

\*\*\*\*